

KATEGORI SEKTOR AWAM

PROJEK 1

ORGANISASI : Balai Bomba & Penyelamat Raub

TAJUK INOVASI : Mobile Defensive Fire Fighting

PENCAPAIAN : JOHAN Hari Inovasi 2015

LATAR BELAKANG PROJEK:

Proses penghasilan Mobile Defensive Fire Fighting ini dibuat melalui gabungan peralatan pemadaman yang sedia ada oleh Jabatan dan kreativiti Kumpulan PERKASA dalam mengadaptasikan peralatan tersebut menjadi Mobile Defensive Fire Fighting. Peralatan ini dicipta dengan objektif untuk meminimakan sebaik mungkin penggunaan masa, tenaga dan kos kerugian semasa operasi selaras dengan misi dan visi Jabatan Bomba & Penyelamat Malaysia iaitu menyelamatkan nyawa dan harta benda.

PUNCA UTAMA MASALAH:

1. Kekurangan anggota semasa operasi pemadaman
2. Operasi pemadaman mengambil masa yang lama kerana pengelolaan peralatan pemadaman
3. Bantuan sampai lambat kerana jarak yang jauh
4. Anggota kurang stamina
5. Berlaku kesukaran dalam pemadaman jika kebakaran melebihi 3 tingkat

CADANGAN PENYELESAIAN INOVATIF & KREATIF:

1. Peralatan pemadaman secara defensive(rumah,kedai,kilang,stesen minyak)
2. Peralatan pemadaman yang boleh digunakan bagi kebakaran bangunan 5 tingkat tanpa menggunakan TTL, hutan, belukar dan lalang.

PENCAPAIAN PROJEK & PENCIPTAAN NILAI:

1. Masa: Masa pancutan pertama ketika operasi pemadaman dapat dipercepat dari 1 minit 30 saat secara manual berbanding menggunakan Mobile Defensive Fire Fighting, masa diambil ialah 30 saat bagi pancutan pertama.
2. Tenaga: Tenaga anggota yang semakin berkurangan jika penggunaan secara manual dan ini akan mempengaruhi operasi berbanding penggunaan Mobile Defensive Fire Fighting yang tidak perlu menggunakan tenaga maksima.
3. Jabatan: Mengurangkan statistik kos kemusnahan harta benda dalam operasi pemadaman kerana penjimatan masa dan peralatan pemadaman yang mudah digunakan.

PROJEK 2

INDIVIDU : Encik Hishamudin bin Ibrahim (SMK Astana, Kuantan)
TAJUK INOVASI : 8 Ekor Biawak Super @ 8EBS
PENCAPAIAN : NAIB JOHAN Hari Inovasi 2015

LATAR BELAKANG PROJEK:

Idea terhasil bagi meningkatkan minat pelajar dalam mata pelajaran Sejarah, serta menaikkan kembali peratus kelulusan dan GPS bagi subjek Sejarah.

PUNCA UTAMA MASALAH:

1. Ramai pelajar yang tidak berminat dengan mata pelajaran Sejarah
2. Gred Purata Sekolah (GPS) rendah akibat kegagalan pelajar menjawab soalan.

CADANGAN PENYELESAIAN INOVATIF & KREATIF:

Teknik ini memerlukan pelajar menggunakan 8 nilai murni yang hurufnya bermula dengan 'B' iaitu **Berani, Bersatu, Berwawasan, Bekerjasama, Bertoleransi, Bertanggungjawab, Berfikiran terbuka, Berdisiplin, Berintegriti dan Bertaqwa**. 8 nilai murni ini digunakan dalam satu ayat yang lengkap dan perlu disesuaikan dengan kehendak soalan.

PENCAPAIAN PROJEK & PENCIPTAAN NILAI:

1. Peratusan kelulusan subjek Sejarah semakin meningkat. (GPS)
 - a. 2013 = 5.64
 - b. 2014 = 5.53 (Meningkat 0.11)
2. Pelajar yang menggunakan teknik ini akan memperolehi sekurang-kurangnya Gred C dalam peperiksaan SPM sebenar.

PROJEK 3

ORGANISASI : Balai Bomba dan Penyelamat Peramu, Pekan
TAJUK INOVASI : Alat Penggulung dan Pembentang Hos Wajax (Peramu R2)
PENCAPAIAN : TEMPAT KETIGA Hari Inovasi 2015

LATAR BELAKANG PROJEK:

Alat ini direka bertujuan memberi kemudahan kepada anggota sewaktu melakukan operasi pemadaman di kawasan tanah yang tidak rata serta hutan yang dipenuhi akar. Ianya mewujudkan satu sistem kerja yang sempurna oleh pengguna yang mengendalikan alat penggulung dan pembentang hos seperti anggota unit.

PUNCA UTAMA MASALAH:

1. Hos yang digulung adalah dengan menggunakan kaedah manual dan melambatkan masa kerja.
2. Penggunaan hos yang banyak sewaktu operasi pemadaman menyebabkan ianya menjadi sukar sewaktu melakukan pembersihan dan sewaktu penyimpanan kerana digulung secara manual
3. Teknik menggulung dengan manual menyebabkan hos tidak kemas, dan kecederaan di bahagian pinggang kerana anggota membongkok.
4. Hos mudah rosak

CADANGAN PENYELESAIAN INOVATIF & KREATIF:

Rekaan alat ini berjaya memudahkan membentang dan menggulung hos sewaktu operasi pemadaman dan selepas pemadaman. Ia juga dilengkapi dengan back plat untuk keselesaan sewaktu membentang dan membawa hos. Alat ini juga mudah dibawa dan menjimatkan ruang.

PENCAPAIAN PROJEK & PENCIPTAAN NILAI:

1. Uji cuba telah dilakukan bersama-sama pihak SIRIM, Bahagian Mekanikal UMP dan Bahagian Mekanikal Institut Kemahiran MARA.
2. Mendapat sokongan daripada Bahagian Operasi Bomba Negeri Pahang dan memperoleh penyeragaman di Balai Bomba dan Penyelamat Pekan dan Taman Tas, Kuantan.